



**KERAJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**

**DOKUMEN SEBUT HARGA
KPM/BSKK/SH/K/02/2026**

**SEBUT HARGA
KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN
SISTEM PENCEGAHAN KEBAKARAN DI SEKOLAH SENI
MALAYSIA PERAK (SSeMP)**

PENGARAH
BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
ARAS 1, 2 DAN 7 BLOK E13 KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

13 OGOS 2026

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)**, **Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU)**, beralamat di **negeri Perak Darul Ridzuan sahaja** di bawah bidang serta dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut:

Bil.	Tajuk dan No. Sebut Harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh, Tempat dan Lawatan Tapak	Tarikh Dokumen Sebut Harga boleh didapati	Tarikh, Masa dan Tempat Tutup Sebut Harga
1.	SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN SISTEM PENCEGAHAN KEBAKARAN DI SEKOLAH SENI MALAYSIA PERAK (SSeMP) KPM/BSKK/SH/K/02/ 2026	Gred CIDB G2 Kategori ME(Mekanikal) Pengkhususan M02 * Taraf Bumiputera *Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) *Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera (STB) *Mempunyai Perakuan Pendaftaran (PKK) dengan CIDB *Tax Compliance Certificate (TCC) Berstatus "PATUH"	13 Ogos 2026 (Khamis) Masa Pendaftaran: 11.00 – 11.45 pagi Masa Taklimat: 12.00 tengahari Tempat Taklimat: Sekolah Seni Malaysia Perak KEHADIRAN TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN	Dokumen sebut harga boleh didapati mulai: 13 Ogos 2026 (Khamis) Tempat: Sekolah Seni Malaysia Perak Jalan Simpang Jalong 31100 Sg. Siput (U) Perak Darul Ridzuan	19 Ogos 2026 (Rabu) 12.00 tengahari Tempat: Peti Sebut Harga Sekolah Seni Malaysia Perak Jalan Simpang Jalong 31100 Sg. Siput (U) Perak Darul Ridzuan

Sebarang pertanyaan boleh hubungi:

Encik Mohamad Fauzan Bin Fudzil (012-5935933) atau En.Muhamad Nurizwan Bin Abdul Rahim (012-7643824)

2. Pendaftaran sesi lawatan tapak akan dibuka pada jam 11.00 – 11.45 pagi. Pendaftaran lewat tidak dibenarkan menyertai sebut harga. Kontraktor/pembekal yang hadir ke sesi taklimat hendaklah membawa bersekali sijil-sijil **ASAL** dan **SALINAN** (tidak akan dikembalikan) Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan, Sijil CIDB, Sijil SPKK serta Sijil Pendaftaran Bumiputera yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan

Malaysia. **PEWAKILAN KUASA ADALAH TIDAK DIBENARKAN SAMA SEKALI.** Pengarah Syarikat yang sah dan dinamakan dalam sijil sahaja dibenarkan menghadiri Taklimat Sebut harga dan lawatan tapak.

3. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada **kontraktor/pembekal yang hadir ke taklimat dan lawatan tapak sahaja.**

4. Dokumen Sebut harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga di alamat Sekolah Seni Malaysia Perak, Jalan Simpang Jalong, 31100 Sg. Siput (U), Perak Darul Ridzuan pada atau sebelum jam 12.00 tengahari, pada 19 Ogos 2026 (Rabu).**

5. Dokumen sebut harga yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, dengan nombor dan tajuk sebut harga dituliskan dikirinya dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga mengikut alamat di atas.

6. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab kontraktor/pembekal. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan sama sekali.

7. KPM tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas pembelanjaan dengan tawaran ini.